

SOALAN NO: 124

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis]

TARIKH : 18 Mei 2016

SOALAN : Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sama ada Kementerian dapat menyediakan dana untuk membangun sebuah Pusat Pengagihan Pertanian Bersepadu dan Pusat Latihan Industri Hiliran di Kg. Penipah dan Kg. Tekajong, Pulau Bruit bagi membantu menaik taraf ekonomi rakyat tempatan terutamanya kepada nelayan pesisiran pantai.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak mempunyai perancangan untuk membangunkan Pusat Pengagihan Pertanian Bersepadu dan Pusat Latihan Industri Hiliran di Pulau Brait. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia bersedia untuk mengadakan kursus-kursus berkaitan bidang pemprosesan kepada komuniti nelayan di kampung-kampung sekitar Pulau Brait.

Selain itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah membina pusat pemprosesan hasil perikanan pada tahun 2014 di Kampung Brait yang diselia oleh Persatuan Nelayan Kawasan Brait. Pusat tersebut boleh digunakan oleh usahawan nelayan sebagai pusat pengumpulan, pembungkusan, pengedaran dan pemasaran hasil tangkapan nelayan.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia juga telah menyalurkan

peruntukan berjumlah RM325,000 kepada Persatuan Nelayan Kawasan Buit bagi tujuan modal pusingan, penyimpanan dan pengangkutan projek pemasaran ikan serta pasar nelayan.